



**BABA** (kiri) menerima cenderahati daripada Pengerusi Jawatankuasa Penganjur NCS 2018 Prof. Dr. Noorsaadah Abd Rahman (kanan).

# Pertandingan NCS bentuk generasi berdaya saing

UB 25-7-2018 B1

Oleh **NURFARAHAAMNI HAAMSIR** (Pelatih UMS)

**PERTANDINGAN** Cabaran Sains Kebangsaan (NCS) membentuk generasi muda yang lebih berdaya saing.

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof. Datuk Dr. D. Kamarudin D. Mudin berkata, generasi muda negara perlu dilatih untuk bersaing dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan, dan matematik (Stem).

Menurutnya, menerusi NCS, ia memberi pendedahan luas untuk membentuk modal insan bidang Stem dari peringkat sekolah.

“Dalam ledakan revolusi perindustrian keempat,

kemajuan teknologi semakin canggih yang akan mengubah gerak kerja dan cara hidup manusia.

“Justeru, ia memerlukan tahap kemahiran dan pengetahuan yang lebih tinggi dalam bidang Stem,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Pertandingan NCS Peringkat Negeri Sabah 2018 di Kota Kinabalu pada Isnin.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Dekan Fakulti Sains dan Sumber Alam UMS Prof. Dr. Baba Mosta.

Kamarudin berkata, pertandingan NSC bukan sahaja memupuk dan melahirkan generasi muda yang berkemahiran serta berpengetahuan tinggi.

Malah jelasnya, ia juga



**PESERTA** menjawab soalan kuiz semasa pertandingan dijalankan.

salah satu inisiatif dalam menyediakan generasi muda ke arah era revolusi perindustrian keempat.

Pasukan dari Sekolah Menengah (SM) Sung Siew Sandakan muncul johan

dalam pertandingan itu diikuti SM Sains Lahad Datu di tempat kedua dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Arshad Kota Belud tempat ketiga.